

Newspaper	Berita Harian
Date	30/1/2013

2 NASIONAL

© RABU 30 JANUARI 2013

BH

# PM kongsi iktibar dari Gaza

BH-30/1/2013

» Rakyat diajak hargaai kestabilan dikecapi negara

Oleh Nazura Ngah dan Nor Fariza Ramlan  
bhnews@bharian.com.my

Kuala Lumpur

Datuk Seri Najib Razak semalam berkongsi cerita menyayat hati mengenai seorang ibu di Gaza yang memeluk anak-anaknya setiap pagi kerana tidak pasti akan bertemu mereka selepas itu.

Perdana Menteri berkata, wanita yang kehilangan empat anak akibat kezaliman rejim Zionis itu menceritakan kisah sedih itu kepada Datin Seri Rosmah Mansor yang turut sama dalam lawatan kemanusiaan beliau ke Palestin, minggu lalu.

"Ibu itu memberitahu isteri saya bahawa setiap pagi dia akan memeluk anak-anaknya sebab dia tidak tahu pada akhir hari itu sama ada mereka akan bertemu lagi.

"Itulah satu cerita yang menyayat hati saya dan isteri dan banyak lagi sebenarnya kisah yang boleh kita jadikan iktibar dan peringatan kepada kita," katanya kepada lebih 1,000 ahli Majlis Kebangsaan Pertubuhan-Pertubuhan Wanita Malaysia (NCWO) pada majlis pelancaran sambutan Jubli Emas pertubuhan itu di Dewan Perdana FELDA di sini, semalam.

## Tonggak kemakmuran

Sehubungan itu, beliau mengajak rakyat untuk menyukuri dan menghargai asas keamanan, keselamatan dan kestabilan yang dikecapi negara hari ini.



Najib berbual dengan peserta seminar, Jackie Ng selepas merasmikan sambutan Jubli Emas NCWO, di Dewan Perdana FELDA, Kuala Lumpur, semalam.

(FOTO EFFENDY RASHID/BH)

**“Tanpa keamanan, keselamatan dan kestabilan yang menjadi tonggak kemakmuran negara, masa depan rakyat tidak akan terjamin”**

Najib Razak,  
Perdana Menteri

saya mendapat Ijazah Doktor Kehormat (oleh Universiti Al-Aqsa atas sokongan yang diberi terhadap perjuangan Palestin).. isteri saya juga mendapat ijazah kehormat dan kelulusan itu diberikan dalam tempoh tiga jam," katanya.

Perdana Menteri berkata, tanpa keamanan, keselamatan dan kestabilan yang menjadi tonggak kemakmuran negara, masa depan rakyat tidak akan terjamin.

Lawatan kemanusiaan Per-

"Kita boleh berasa bangga (dengan apa yang dinikmati hari ini)... selain itu,"

dana Menteri ke Gaza itu, dilihat membuka mata masyarakat dunia berhubung keprihatinan Malaysia terhadap penderitaan rakyat Palestin dan perlunya penindasan rejim Zionis Israel ke atas Palestin dihentikan segera.

## Tak konstruktif

Sementara itu, Perdana Menteri turut membidas sikap pembangkang yang sering memperlekeh usaha baik kerajaan untuk menjamin kesejahteraan dan kemakmuran rakyat dan negara.

Beliau menyifatkan sikap pembangkang yang sering mengkritik usaha kerajaan itu

sebagai tidak konstruktif.

"Masalahnya kita ada pembangkang, jika kita baik dia akan cuba perlekehkan... saya pergi Gaza pun ada orang perlekeh, bila kita buat PERMATA (Program Permata Negara) ada yang perlekeh, mereka tidak konstruktif dalam kritikan.

"Cubalah kata ini baik, tak apalah kerajaan buat... jika baik katalah baik, sepatutnya itulah peranan pembangkang yang konstruktif tapi tak apa... apapun kita ada masa yang akan tiba tidak lama lagi untuk kita buat penilaian yang mana baik dan mana sebaliknya," katanya.